

11 NOV 1999

BADAN PERHUBUNGAN UMNO JOHOR BINCANG SENARAI CALON

JOHOR BAHARU, 11 Nov (Bernama) -- Badan Perhubungan Umno Negeri Johor malam ini bermesyuarat hampir dua jam membincangkan senarai calon yang dikemukakan oleh bahagian-bahagian Umno.

Pengerusinya, Datuk Abdul Ghani Othman berkata tidak banyak yang dibincangkan pada mesyuarat itu kecuali soal senarai calon.

Katanya, beliau akan mengadakan perjumpaan dengan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad awal minggu depan khusus untuk membincangkan senarai calon itu.

Kesemua ketua bahagian menghadiri mesyuarat itu kecuali Ketua Umno Bahagian Kota Tinggi Datuk Seri Syed Hamid Albar yang kini berada di Durban, Afrika Selatan bagi menghadiri Persidangan Ketua-ketua Negara Komanwel (CHOGM).

Johor mempunyai 20 bahagian Umno.

-- BERNAMA

MKO RI